

Oleh Presiden
Dieter F. Uchtdorf
Penasihat Kedua di dalam
Presidensi Utama



Nasihat bagi Mubaligh yang Beragu-ragu

Para penganut Yesus Kristus selalu bertanggung-jawab untuk menyebarkan injil-Nya ke seluruh dunia (lihat Markus 16:15–16). Walau begitu, kadang-kala memang susah bagi kita untuk membuka mulut dan berucap tentang iman kita dengan orang di sekeliling kita. Ada sebahagian ahli Gereja yang berbakat semula jadi untuk berucap dengan orang lain tentang perihal agama, ada juga ahli-ahli yang beragu-ragu atau berasa canggung, malu, ataupun takut untuk berbuat demikian.

Oleh sebab itu, saya ingin cadangkan empat perkara yang boleh dilakukan oleh sesiapa pun untuk mengikut suruhan Juruselamat untuk mengkhutbahkan injil “kepada setiap makhluk” (A&P 58:64).

Menjadi satu Cahaya

Satu pepatah yang saya suka oleh St. Francis dari Assisi berkata, “Sentiasa mengkhutbahkan injil, dan bila perlu, gunakan perkataan.”¹ Pepatah ini bererti biasanya khutbah yang tidak diucapkan ialah khutbah yang paling berkuasa.

Bila kita memilik integriti dan hidup dengan standard-standard kita dengan berterusan, orang lain akan mengambil perhatian. Bila kita menunjukkan kebahagiaan dan kegembiraan, mereka lebih lagi mengambil perhatian.

Semua orang ingin menjadi gembira. Bila kita sebagai ahli Gereja memancarkan cahaya injil, orang lain boleh lihat kegembiraan kita dan merasa kasih sayang Tuhan mengisi dan melimpah kehidupan kita. Mereka ingin tahu mengapa. Mereka ingin faham rahsia kita.

Itu akan menyebabkan mereka untuk menanya soalan seperti “Mengapa anda begitu gembira?” atau “Mengapa anda selalu mempunyai sikap yang positif?” Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan ini, tentunya, mengarah ke satu perbualan tentang injil Yesus Kristus yang sudah dipulihkan.

Menjadi Suka Berbual-bual

Berbual-bual tentang subjek agama—terutamanya dengan rakan-rakan kita dan orang yang kita kasihi—boleh nampaknya sangat menakutkan dan mencubakan. Ia tidak harus jadi begitu. Berucap tentang pengalaman rohani atau berbual-bual tentang aktiviti-aktiviti atau kejadian Gereja dalam perbualan yang kasual boleh menjadi mudah dan senang jika kita gunakan sedikit keberanian dan akal budi.

Isteri saya, Harriet, ialah satu teladan yang bagus. Bila kami berdiam di Jermani, dia mencarikan cara untuk mencampurkan topik-topik yang berkaitan dengan Gereja dalam perbualannya dengan rakan-rakan

dan kenalan. Sebagai contoh, bila seorang menanya tentang hujung minggunya, dia kata, “Hari Ahad ini kami ada satu pengalaman yang sangat baik di gereja kami! Seorang remaja yang berusia 16 tahun berikan satu ucapan yang indah di depan 200 orang jemaah kami tentang mengikut satu kehidupan yang bersih.” Atau, “Saya belajar tentang seorang wanita yang berusia 90 tahun yang sudah mengait lebih dari 500 selimut dan berikan selimut-selimut itu kepada program Perikemanusiaan Gereja kami untuk dikirim kepada orang yang berkeperluan di seluruh dunia.”

Biasanya, orang yang dengar ini ingin tahu dengan lebih mendalam. Mereka menanya soalan. Dan itu mengarah ke kesempatan untuk berbual-bual tentang injil dalam cara yang natural, berkeyakinan, dan tidak menyinggung orang lain.

Semenjak rekaan Internet dan media sosial, adalah lebih mudah untuk berbual tentang perkara-perkara ini dalam perbualan berbanding dengan masa dahulu. Kita hanya perlukan keberanian untuk berbuat demikian.

Penuh dengan Rahmat

Tetapi malangnya, adalah sangat mudah untuk menjadi pemberang. Ini berlaku bila kita bertengkar, memperkecilkan dan mengutik orang lain. Bila kita menjadi marah, kurang ajar, atau menyakitkan hati orang lain, mereka tidak akan ingin belajar tentang kita. Kita tidak tahu berapa orang meninggalkan Gereja atau tidak menjadi ahli Gereja kerana seorang mengucapkan kata-kata yang menyakitkan hati mereka dan menyinggung mereka.

Pada hari ini ada banyak kekasaran dalam dunia ini. Kerana anonimiti Internet, adalah lebih mudah untuk mengucapkan perkara-perkara yang menyakitkan hati di Internet. Tidak haruskah kita, sebagai pengikut Kristus yang halus, lebih bermurah hati? Kitab suci mengajar, “Hendaklah percakapan kamu menyeronokkan dan menarik. Hendaklah kamu tahu memberikan jawapan kepada setiap orang dengan sepatutnya” (Kolose 4:6).

Kata-kata kita haruslah jelas seperti langit dan penuh dengan rahmat. Dapatkah anda gambarkan keadaan keluarga, bahagian, negara, dan dunia kita jika kita melaksanakan asas yang senang ini?

Penuh dengan Iman

Ada masanya kita berikan diri sendiri terlalu banyak kredit atau tuduhan mengenai sama ada orang lain menerima injil atau tidak. Adalah penting untuk mengingati bahawa Tuhan tidak mengharapkan kita untuk menukarkan hati.

Penukaran hati tidak datang dari kata-kata kita tetapi dari layanan Roh Kudus. Ada masa bila hanya satu frasa kesaksian kita atau satu pengalaman untuk memulakan kelunakan hati atau membuka satu pintu yang boleh membimbing orang lain untuk mengalami kebenaran yang sublim melalui tekanan Roh Kudus.

Presiden Brigham Young (1801–77) berkata bahawa dia tahu injil adalah benar bila dia “lihat seorang lelaki tanpa kepetahan, atau bakat untuk pengucapan umum, yang hanya boleh kata, ‘Saya tahu, dengan kuasa Roh Kudus, bahawa Kitab Mormon adalah benar, Joseph Smith ialah seorang nabi Tuhan.’” Presiden Young kata bila dia mendengar kesaksian yang rendah hati itu, “Roh Kudus yang datang dari individu itu menerangkan kefahaman saya, dan cahaya, kemuliaan, dan kebaqaan muncul di hadapan saya.”²

Saudara dan saudari, beriman. Tuhan boleh mengembangkan perkataan-perkataan yang anda ucapkan dan membesarkan perkataan-perkataan itu. Tuhan tidak tanya anda untuk menukarkan hati tetapi untuk membuka mulut anda. Tugas untuk menukarkan hati bukanlah tugas anda—tugas itu ialah tugas orang yang mendengar dan tugas Roh Kudus.

Setiap Ahli Seorang Mubaligh

Rakan-rakan yang kukasihi, pada hari ini ada banyak cara bagi kita untuk membuka mulut dan mengongsikan berita baik injil Yesus Kristus dengan orang lain. Ada satu cara bagi setiap orang—mahupun mubaligh yang beragu-ragu—untuk mengambil bahagian dalam kerja yang mulia ini. Kita boleh mencarikan satu cara untuk menggunakan bakat dan kegemaran kita untuk menyokong kerja yang mulia ini untuk menerangkan dunia ini dengan cahaya dan kebenaran. Bila kita buat demikian, kita akan mendapat kebahagiaan yang datang kepada mereka yang beriman dan berani “untuk berdiri sebagai saksi bagi Tuhan di segala waktu” (Mosia 18:9).

NOTA

1. St. Francis of Assisi, dalam William Fay and Linda Evans Shepherd, *Share Jesus without Fear* (1999), 22.
2. *Teachings of Presidents of the Church: Brigham Young* (1997), 67.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Satu cara yang berkesan untuk mengajar adalah untuk “menggagal mereka yang anda ajar untuk menetapkan . . . matlamat yang boleh menolong mereka mematuhi asas yang sudah anda ajar” (*Teaching, No Greater Call* [1999], 159). Menimbang untuk menjemput mereka yang anda ajar untuk menetapkan matlamat dengan berdoa untuk mengongsikan injil dengan orang lain dalam bulan ini. Ibu bapa boleh bincangkan cara-cara bagaimana anak-anak kecil boleh menolong. Anda juga boleh menolong ahli-ahli keluarga untuk mencambah idea atau melakonkan cara untuk memulakan perbincangan tentang injil dalam perbualan dan memikirkan aktiviti-aktiviti Gereja di mana mereka boleh menjemput seorang rakan.

REMAJA

Berkongsi dengan seorang Rakan

Oleh Adriana Vásquez

Pada satu hari semasa saya mengaji untuk kelas seminari, satu impresi yang indah dan nyata datang kepada saya. Bila saya baca pelajaran untuk hari yang akan datang, saya terlihat wajah seorang rakan dari sekolah dan berasa bahawa saya harus mengongsikan kesaksian saya dengan dia.

Walaupun impresi itu sangat jelas, saya berasa takut. Saya bimbang bahawa rakan saya akan menolak saya, terutamanya kerana dia tidak nampak berminat untuk menjadi ahli Gereja.

Saya ingatkan ucapan oleh Sister Mary N. Cook dari presidensi umum Remaja Puteri di mana dia mencabarkan kita untuk bekerja keras dan untuk

menjadi gagah.¹ Saya ingin menjadi begitu, jadi saya pun tuliskan satu surat kepada rakan ini dan bersaksi tentang kebenaran Gereja dan tentang Kitab Mormon. Pada hari berikut saya letakkan satu salinan Kitab Mormon, bersama dengan surat saya, dalam begnya.

Dengan kehairanan saya mendapat bahawa rakan saya menerima injil. Bermula pada hari itu, dia memberitahu saya tentang perkara yang sudah dia belajar dalam pengajian Kitab Mormon. Beberapa minggu kemudian, saya memperkenalkan dia kepada para mubaligh. Dengan serta-merta, dia menerima satu penetapan dari Roh Kudus bahawa perkara yang sudah dia belajar adalah benar. Para mubaligh dan saya menangis bila dia memberitahu kami tentang perasaannya. Rakan saya dibaptiskan, dan ibu bapanya sangat kagum untuk melihat perubahan-perubahan yang berlaku dalam kehidupannya.

Saya sangat gembira saya dapat mengatasi ketakutan saya dan menolong untuk membawakan injil ke dalam hidupnya.

NOTA

1. Lihat Mary N. Cook, “Never, Never, Never Give Up!” *Liahona*, Mei 2010, 117–19.

KANAK-KANAK

Saya Boleh Menjadi satu Cahaya kepada Orang Lain

Presiden Uchtdorf berkata bahawa untuk menjadi satu cahaya kepada orang lain, kata-kata kita harus “jelas seperti langit dan penuh dengan rahmat.” Kata-kata kita haruslah gembira, jujur dan berbelas kasihan. Apakah yang dapat anda lakukan atau ucapkan untuk menjadi satu cahaya kepada orang lain? Anda boleh tulis dalam jurnal anda lima perkara yang anda merancang untuk mengucap kepada ahli-ahli keluarga atau rakan-rakan.



Iman, Keluarga,
Pertolongan

Diinsafkan kepada Tuhan

Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudara yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudara yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri. Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.

Para saudara yang baru dalam Gereja—termasuk Remaja Puteri yang memasuki Lembaga Pertolongan, para saudara yang balik ke Gereja, dan penganut baru—perlu sokongan dan persahabatan pengajar berkunjung. “Penglibatan ahli adalah penting untuk pengendalian penganut baru dan untuk membawa balik ahli-ahli yang kurang aktif kepada aktiviti sepenuh,” kata Elder M. Russell Ballard dari Kuorum Dua Belas Rasul. “Tangkapkan wawasan Lembaga Pertolongan . . . ini boleh menjadi [salah satu] sumber[sumber] persahabatan yang paling berkuasa dalam Gereja. Hurlurkan tangan kepada mereka yang diajar dan diaktifkan semula lagi, dan menyayangi mereka untuk membawa mereka ke Gereja melalui organisasi anda.”¹

Sebagai ahli-ahli Lembaga Pertolongan, kita boleh menolong ahli-ahli baru untuk belajar tentang amalan asas Gereja, seperti:

- Memberi ucapan.
- Memberi kesaksian.
- Mematuhi perintah puasa.
- Membayar persepuluhan dan sumbangan lain.

- Mengambil bahagian dalam kerja sejarah keluarga.
- Melakukan pembaptisan dan penetapan bagi nenek moyang mereka yang sudah meninggal dunia.

“Untuk menolong ahli-ahli baru berasa senang hati dan diinginkan dalam gereja, kita perlukan rakan-rakan yang mengambil perhatian,” kata Elder Ballard.² Kita semua, terutamanya pengajar berkunjung, memiliki tanggungjawab yang penting untuk menubuhkan persahabatan dengan ahli-ahli baru untuk menolong mereka “diinsafkan kepada Tuhan” (Alma 23:6).

Dari Tulisan Suci

2 Nefi 31:19–20; Moroni 6:4

Dari Sejarah Kita

“Dengan bilangan penganut baru yang semakin bertambah,” kata Presiden Gordon B. Hinckley (1914–2008), “kita mesti menambahkan usaha kita untuk menolong mereka semasa mereka mencari jalan mereka. Setiap penganut baru perlukan tiga perkara: seorang rakan, satu tanggungjawab, dan diasuh

dengan ‘firman Tuhan yang baik’ (Moroni 6:4).”³

Para pengajar berkunjung boleh menolong orang yang mereka jaga. Biasanya, persahabatan datang dahulu, seperti yang berlaku kepada seorang saudara Lembaga Pertolongan yang muda, seorang pengajar berkunjung kepada seorang saudara yang lebih tua. Perlahan-lahan mereka menubuhkan persahabatan sehingga mereka bekerja bersama-sama dalam satu projek pembersihan. Mereka menjadi rakan, dan bila mereka berbual-bual tentang Pesanan Pengajaran Berkunjung, mereka diasuh oleh “firman Tuhan yang baik.”

Presiden Joseph Fielding Smith (1876–1972) berkata bahawa Lembaga Pertolongan “adalah satu bahagian penting dalam kerajaan Tuhan pada bumi ini dan . . . ia menolong ahli-ahli yang beriman untuk memperolehi hidup abadi dalam kerajaan Bapa.”⁴

NOTA

1. M. Russell Ballard, “Members Are the Key,” *Liahona*, Sept. 2000, 18.
2. M. Russell Ballard, *Liahona*, Sept. 2000, 17.
3. Gordon B. Hinckley, “Every Convert Is Precious,” *Liahona*, Feb. 1999, 9.
4. Joseph Fielding Smith, dalam *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 97.

***Apa yang Dapat Saya
Lakukan?***

1. Adakan saya berdoa untuk teman saya dan memohon supaya Roh akan membimbing kami semasa kami melayan para saudara kami?

2. Dalam cara apakah kami melayan saudara yang kami jaga supaya dia tahu bahawa kami benar-benarnya mengambil berat tentang dia?